

PEMBENTUKAN ISTILAH BAHARU: SEJAUH MANA KESEJAJARANNYA DENGAN PEDOMAN?

Hasnah binti Mohamad¹
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Saban hari kemasukan perkataan baharu ke dalam kosa kata bahasa Melayu sering berlaku. Perkataan-perkataan tersebut lazimnya diperkenalkan sama ada melalui media cetak atau melalui media elektronik oleh individu tertentu untuk memenuhi keperluan pengguna dalam melancarkan komunikasi. Sebahagian besar perkataan tersebut dibawa masuk daripada istilah asing lalu diubah suai bentuk bahasanya mengikut pedoman pembentukan istilah sedia ada bagi memperkatakan bidang-bidang baharu. Namun demikian, ada juga istilah yang dibentuk menggunakan kaedah perekaciptaan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Sesetengah ahli bahasa berpendapat bahawa proses ini menyumbang terhadap pengayaan atau pertambahan kosa kata bahasa Melayu, serta mencerminkan pemikiran masyarakat yang semakin berkembang maju melalui pemyarakatan pelbagai kosa kata khusus dalam pelbagai bidang ilmu. Namun persoalannya, adakah istilah yang baru dibentuk itu betul sebagaimana yang digariskan? Justeru, kajian ini akan meneliti istilah-istilah baharu dan istilah sedia ada yang tersebar dalam kalangan masyarakat dan menghuraikan aspek pembentukannya. Hal ini penting bagi membantu memastikan fenomena kemasukan perkataan baharu ke dalam kosa kata bahasa Melayu adalah sesuatu yang sihat, yakni perkataan yang diperkenalkan dan seterusnya disebar dan diterima pakai oleh masyarakat dapat melambangkan bahasa Melayu yang betul berlandaskan pedoman sedia ada. Kajian ringkas ini meneliti istilah baharu dan istilah sedia ada dalam pelbagai bidang yang digunakan di dalam akhbar tempatan. Istilah dan pentakrifannya dikumpulkan dan dihuraikan dari segi pembentukannya berdasarkan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2004). Hasil kajian dapat menghuraikan istilah yang baru dibentuk dan istilah sedia ada berdasarkan kaedah pembentukannya seterusnya perkaitan antara istilah dalam sistem konsep.

PENGENALAN

Saban hari kemasukan perkataan baharu ke dalam kosa kata bahasa Melayu sering berlaku. Hal ini terjadi terutamanya berdasarkan keperluan segera, misalnya dalam penulisan berita atau makalah di akhbar. Perkataan-perkataan tersebut lazimnya diperkenalkan oleh individu tertentu, khususnya penulis yang terlibat dalam penerbitan makalah berkaitan untuk memenuhi keperluan pengguna. Sebahagian besar perkataan baharu tersebut dibawa

¹ Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Mempunyai kepakaran dalam bidang Linguistik Terapan (Leksikografi dan terminografi) (UKM). hasnah_m@upm.edu.my

masuk daripada istilah asing lalu diubah suai bentuk bahasanya mengikut pedoman pembentukan istilah sedia ada bagi memperkatakan bidang-bidang baharu. Namun demikian, ada juga istilah yang dibentuk menggunakan kaedah perekaciptaan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Kesemua proses ini berlaku bertujuan untuk memastikan bahawa maklumat dapat disampaikan kepada pengguna secara jelas dan tidak mengelirukan melalui penggunaan bahasa (istilah dan laras bahasa) yang tepat. Dari sudut pandangan sesetengah ahli bahasa, proses ini dapat memperkaya bahasa Melayu, misalnya dalam bidang sains dan teknologi, banyak kata daripada pelbagai bahasa di dunia, seperti bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, dan Jerman diserap masuk. Sebaliknya, dalam bidang falsafah dan pemikiran pula, banyak bahasa serantau yang diserap masuk, contohnya Jawa, Sunda, dan Iban. Namun demikian, adakah pembentukan istilah secara penyerapan dan perekaciptaan berlaku secara seimbang bagi menyumbang terhadap pengayaan atau pertambahan kosa kata bahasa Melayu. Hal ini amat penting kerana ia mencerminkan pemikiran masyarakat yang semakin berkembang maju melalui pemasyarakatan pelbagai kosa kata khusus dalam pelbagai bidang ilmu. Persoalan berikutnya ialah, adakah istilah yang baru dibentuk itu betul sebagaimana yang digariskan? Justeru, kajian ini akan meneliti istilah-istilah baharu yang tersebar dalam kalangan masyarakat dan menghuraikan aspek pembentukannya. Kajian ini juga penting bagi membantu memastikan fenomena kemasukan perkataan baharu ke dalam kosa kata bahasa Melayu adalah sesuatu yang sihat, yakni perkataan yang diperkenalkan dan seterusnya disebar dan diterima pakai oleh masyarakat dapat melambangkan bahasa Melayu yang betul berlandaskan pedoman sedia ada. Hal ini kerana menurut Asmah (2001), istilah yang dibentuk oleh pengguna lebih cepat terdifusi dan diterima oleh masyarakat.

PENYATAAN MASALAH

Fenomena kewujudan lambakan istilah asing dalam kosa kata bahasa Melayu khususnya dalam bidang sains dan teknologi semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini sehingga mendapat teguran daripada Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dr. Rais Yatim tentang semakin -banyaknya istilah asing khususnya bahasa Inggeris yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu tanpa usaha gigih seperti yang dilakukan dahulu untuk mendapatkan padanan dalam bahasa Melayu atau bahasa serumpun (Ucapan Tan Sri Rais Yatim dalam program Wacana Bahasa Melayu, Wasiat keenam Raja-Raja Melayu, 19 Januari 2017 di Dewan Besar Utusan Melayu (Malaysia) Berhad). Malahan, sebelum itu, pada 2009 beliau juga pernah menyarankan agar digunakan istilah umum dalam bahasa Melayu, iaitu istilah *selesema babi* berbanding istilah *influenza A (H1N1)* (Utusan Malaysia, 27 Jun 2009) bagi menggalakkan penggunaan kosa kata bahasa Melayu dalam pembentukan istilah. Justeru, kajian ini akan meneliti istilah yang dibentuk dan tersebar dalam kalangan masyarakat bagi menghuraikan permasalahan yang dibangkitkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen. Sampel kajian terdiri daripada makalah dalam akhbar tempatan dalam talian, myMetro dalam akhbar tempatan dalam talian, myMetro yang memperkatakan pelbagai bidang khusus. Makalah dipilih secara rawak daripada terbitan secara dalam talian bulan Januari hingga Mac 2017. Bidang khusus dipilih kerana lazimnya istilah bagi memperkatakan bidang tertentu lebih banyak ditemui dalam teks yang membincangkan bidang khusus berbanding dengan teks umum. Manakala teks akhbar dipilih kerana akhbar merupakan medium yang perlu menghasilkan istilah secara cepat dan tersebar secara meluas kerana sasaran pembacanya yang menyeluruh.

Justeru, penghuraian istilah yang dibentuk di dalam akhbar sesuai sebagai wakil untuk menjelaskan fenomena kewujudan istilah baharu dalam kosa kata bahasa Melayu. Istilah yang dikumpulkan dianalisis berdasarkan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2004) bagi menghuraikan kesejajaran pembentukannya dengan pedoman sedia ada.

Kajian ini menerapkan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2004) dalam menganalisis data istilah yang dikenal pasti. Pedoman ini menggariskan tiga langkah untuk membentuk istilah yang konsepnya diambil dari luar, seperti yang berikut;

- i. Penterjemahan (secara langsung atau perekaan)
- ii. Penyerapan (tanpa atau dengan penyesuaian ejaan)
- iii. Gabungan penterjemahan dan penyerapan

Dalam usaha membentuk istilah yang dipinjam daripada bahasa asing melalui penterjemahan sejumlah medan dalam sesuatu bidang, penciptaan istilah berlaku mengikut rancangan yang khusus dan boleh menimbulkan spekulasi teori. Misalnya, jika kita menemui sejumlah besar persamaan dalam pola penamaan teks yang berhubung dengan butir leksikal, bererti kita telah berjaya melaksanakan perkara yang berikut;

- i. mentafsirkan peraturan penamaan yang boleh diterapkan dalam sesuatu bidang
- ii. mewujudkan peraturan penamaan untuk masa depan bidang berkenaan
- iii. kemungkinan mengaitkan motivasi pola penamaan dengan motivasi penciptaan konsep.

Proses penciptaan istilah khusus banyak mengambil kira fungsi khusus suatu objek yang penting bagi konsep baharu, contohnya;

OBJEK	FUNGSI	ISTILAH BAHARU
<i>hammer</i>	<i>locking</i>	<i>hammerlock</i>
<i>ribbon</i>	<i>shifting</i>	<i>ribbonshift</i>
<i>carriage</i>	<i>control</i>	<i>carriage control</i>

Seterusnya, perincian lanjut dapat menghasilkan istilah yang lebih kompleks, seperti contoh berikut ;

JENIS PERINCIAN (KRITERIA)	CONTOH
Fungsi: kotak peralatan, surat	kotak alat, kotak surat
Bahan: kotak diperbuat daripada keluli	kotak keluli
Tempat: kotak di bawah tingkap	kotak tingkap

TINJAUAN LITERATUR

Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2004) mendefinisikan istilah sebagai kata atau gabungan kata yang menerangkan dengan jelas mengenai sesuatu makna, konsep, keadaan atau ciri khusus dalam bidang tertentu. Berikutnya, Sager (1995) pula menghuraikan istilah sebagai pewujudan linguistik suatu konsep yang berlainan dengan bahasa am, dan merupakan bahasa khas yang muncul untuk mensistemkan prinsip pepadanan dan penamaan konsep mengikut pedoman khas yang ditetapkan. Pada awalnya, istilah dikatakan terbentuk secara tidak langsung, namun disebabkan daya pemikiran

manusia yang semakin tinggi seiring dengan perkembangan bidang ilmu serta pengayaan bahasa yang semakin maju, maka istilah telah diangkat menjadi satu bidang ilmu yang tersendiri (Nik Safiah, 1986). Seterusnya, menurut Ainon Mohamad & Abdullah Hassan (2008), usaha pembentukan istilah secara terancang tidak lain dan tidak bukan adalah sebahagian usaha kodifikasi bahasa dari sudut penambahan kosa kata dengan motif untuk mengangkat taraf bahasa Melayu menjadi bahasa intelektual dan bahasa ilmu tinggi. Berdasarkan penghuraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa istilah berkait rapat dengan tiga komponen utama, iaitu kata, konsep, dan makna. Selain itu, istilah juga memerlukan pedoman khusus untuk tujuan pemantapan dan keselarasan pembentukannya. Hasnah dan Gym, J.G (2012) dalam kajian mereka tentang perbandingan istilah yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu dan bahasa Korea mendapati bahawa sebahagian besar istilah tersebut dibentuk melalui kaedah peminjaman dengan pengubahsuaian mengikut sistem tatabahasa masing-masing. Kajian ini penting untuk membandingkan secara global pembentukan istilah yang konsepnya diambil dari luar dan dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu dan fokusnya berbeza dengan kajian pengkaji yang memberikan penekanan pada kesejajaran kaedah pembentukan istilah yang dihasilkan oleh pengguna dengan pedoman sedia ada. Seterusnya kajian Junaini et.al (2014) bertajuk Kaedah Alternatif Membentuk Padanan Istilah: Suatu Pendekatan Siositerminologi pula bertitik tolak dari ketidakselarasan istilah akibat lambatnya istilah yang dibentuk oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sampai kepada pengguna. Kelewatan ini akhirnya menyebabkan pengguna perlu mencipta istilah secara sendiri-sendiri lalu menghasilkan bentuk-bentuk yang tidak seragam. Pada akhir kajian, Junani juga menghuraikan pelbagai kaedah yang digunakan oleh pengguna dalam membentuk istilah yang juga merupakan fokus kajian pengkaji. Namun, Junaini menggunakan data istilah yang dihasilkan secara terancang oleh DBP (iaitu Istilah Kejuruteraan), sebaliknya pengkaji menggunakan istilah yang dihasilkan oleh pengguna secara tidak terancang, iaitu istilah di dalam akhbar. Berikutnya ialah kajian Puteri Roslina dan Ezura (2015), bertajuk Seni Pertukangan Lapa. Kajian ini melibatkan pemetaan konsep istilah seni pertukangan lepa berlandaskan Teori Umum Peristilahan. Kajian ini penting dari aspek pendokumentasian istilah tempatan secara sistematik berlandaskan bidang peristilahan mengikut amalan peristilahan antarabangsa. Perkaitan dengan kajian pengkaji adalah kedua-dua kajian menghuraikan pengelompokan istilah berdasarkan taksonomi dalam kelompok bidang yang dikaji. Proses ini penting untuk tujuan pengkomputeran istilah bidang berkaitan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menerapkan kaedah analisis dokumen menggunakan sampel makalah daripada akhbar tempatan dalam talian, myMetro Januari hingga Mac 2017. Sebanyak 64 istilah pelbagai bidang dikumpulkan daripada makalah berkenaan. Daripada jumlah tersebut, 56% istilah yang dikenal pasti tidak terdapat di dalam korpus istilah sedia ada di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Peratus yang agak tinggi ini (56%) membuktikan bahawa pengguna bahasa terlibat secara aktif dalam mencipta istilah dan menyebarkannya kepada masyarakat. Berdasarkan pemilihan kata, pada umumnya kajian mendapati bahawa 30% istilah dibentuk daripada bahasa Melayu sepenuhnya, manakala 56% daripada bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, dan 14% merupakan gabungan bahasa Melayu dan bahasa asing. Contoh istilah tersebut adalah seperti yang berikut;

ISTILAH BAHASA MELAYU	ISTILAH BAHASA ASING	ISTILAH GABUNGAN B.MELAYU DAN B.ASING
Meroyan api	Cobb's angle	Masalah pendengaran sensorineural
Meroyan ketung	Ortosis	Teknik sedutan vakum
Meroyan urat	Bracing	Hernia hirisan

Dalam pembentukan istilah menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya, proses penyempitan makna telah berlaku terhadap kata umum yang mencirikan istilah utama bagi istilah berbentuk gabungan kata. Contohnya, “meroyan api”. Istilah “meroyan” digabungkan dengan kata umum “api” yang telah disempitkan maknanya untuk menjelaskan ciri meroyan api, iaitu sikap bengis, cepat marah hingga ke tahap menjerit dan lupa diri, serta perubahan mood yang ketara, dan bukannya makna denotasi atau makna sebenar api, iaitu bahan bakar.

Jenis berikutnya ialah istilah yang dibentuk melalui peminjaman kata asing secara langsung, contohnya Cobb's angle, bracing, Adolescent Idiopathic Scoliosis (AIS). Contoh penggunaan istilah tersebut dalam ayat adalah seperti yang berikut;

Cobb's angle – Pemeriksaan X-ray dapat menentukan kedudukan Apeks (tempat tulang belakang yang paling bengkok), arah kebengkokan serta mengira magnitud darjah kebengkokan dengan menggunakan Cobb's angle.

Bracing – Bagi skoliosis dengan magnitud 20-40 darjah, biasanya dirawat dengan ortosis atau bracing.

Adolescent Idiopathic Scoliosis (AIS) – Terdapat beberapa jenis skoliosis tetapi yang paling biasa adalah Adolescent Idiopathic Scoliosis (AIS).

Selain peminjaman secara langsung, istilah bentuk pinjaman kata asing juga boleh dibentuk dengan mengubah suai ejaan kata asing yang dipinjam kepada ejaan bahasa Melayu berdasarkan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu. Contohnya, mikrotia, epilepsi, dan intubasi.

Mikrotia – huruf “c” dalam kata asing “microtia” digantikan dengan “k” lalu membentuk “mikrotia” dalam bahasa Melayu.

Epilepsi – huruf “y” dalam kata asing “epilepsy” digantikan dengan “i” lalu membentuk “epilepsi” dalam bahasa Melayu.

Intubasi – imbuhan “-tion” dalam kata asing “intubation” digantikan dengan “-si” lalu membentuk “intubasi” dalam bahasa Melayu.

Berikutnya ialah istilah yang dibentuk melalui penggabungan kata bahasa Melayu dan kata asing. Contohnya, bendalir intraabdomen, dan hernia hirisan.

PEMBENTUKAN ISTILAH BERDASARKAN PENCIRIAN LANJUT

Kajian menunjukkan bahawa istilah yang lebih kompleks dibentuk berdasarkan pencirian lanjut melibatkan ciri berkaitan fizikal, contohnya “meroyan urat”, “meroyan bulu”, dan “meroyan kulit”.

JENIS PERINCIAN (KRITERIA)	CONTOH
Fizikal, urat : ...mengalami ketegangan urat sehingga sentiasa mengeraskan diri seperti mengalami kekejangan otot.	Meroyan urat
Fizikal, bulu : ...sentiasa seram sejuk selepas bersalin (melibatkan bulu roma)	Meroyan bulu
Fizikal, kulit : ...sentiasa berasa gatal serta miang seluruh badan...	Meroyan kulit

Selanjutnya ialah istilah kompleks yang dibentuk berdasarkan ciri melibatkan perbuatan, contohnya “meroyan ketung”, “meroyan api”, dan “meroyan tinggal”.

JENIS PERINCIAN (KRITERIA)	CONTOH
Perbuatan, analogi api : ...menjadi bengis, baran, cepat marah hingga tahap menjerit dan lupa diri.	Meroyan api
Perbuatan, ketung : ...menjadi murung, hiba, sayu, mudah menangis, perasa dan ada kalanya kelihatan seperti bodoh.	Meroyan ketung
Perbuatan, tinggal : ...asyik berleter, bercakap seorang diri dan mengambil peluang melarikan diri dari rumah.	Meroyan tinggal

KETAKESELARASAN PEMBENTUKAN ISTILAH

Kajian turut mendapati beberapa bentuk istilah yang tidak selaras dalam makalah yang dikaji. Contohnya, terbitan bagi istilah hernia, iaitu istilah “hernia inguinal” digunakan secara silih berganti dengan “inguinal hernia” yang merupakan istilah asal bahasa asing. Selain itu terdapat juga ketakselarasan dari segi pemilihan kata untuk membentuk istilah terbitan yang menggunakan istilah bahasa Melayu sepenuhnya, seperti “angin pasang tidak langsung” dan “angin pasang langsung” kerana ada juga istilah terbitan yang menggunakan istilah pinjaman, contohnya “hernia hirisan”. Dalam hal ini, untuk tujuan keselarasan, bagi istilah gabungan dengan kata dalam bahasa Melayu (hirisan), maka istilah “angin pasang” sepatutnya digunakan untuk menghasilkan istilah terbitan “angin pasang hirisan”.

KESIMPULAN

Kajian ringkas ini telah memaparkan beberapa senario pembentukan istilah dalam kalangan pengguna. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengguna sentiasa aktif mencipta istilah untuk memenuhi keperluan semasa masyarakat berdasarkan peratus istilah baharu yang agak tinggi. Di samping itu, pengguna didapati lebih gemar mencipta istilah

melalui kaedah meminjaman kata asing dan disesuaikan ejaannya mengikut sistem ejaan bahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh kaedah meminjaman yang lebih mudah berbanding kaedah lain berdasarkan panduan pengubahsuaian yang jelas dan pelbagai. Secara umumnya, pengguna didapati patuh pada pedoman yang ditetapkan dalam pembentukan istilah kecuali beberapa istilah yang mungkin tidak dapat dikenal pasti istilah yang lebih tepat. Kesimpulannya, akhbar merupakan medium yang dapat membantu penciptaan dan penyebaran kosa kata baharu dalam bidang khusus. Penciptaan istilah melalui akhbar didapati mematuhi pedoman sedia ada dan penciptaan turut mengambil kira pendekatan konsep dalam peristilahan. Namun usaha untuk mendedahkan pengguna kepada kaedah pembentukan istilah yang betul perlu diteruskan demi mendidik pengguna untuk mencipta istilah yang tepat dan serasi dengan konsep yang berkaitan.

RUJUKAN

- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur : PTS Professional.
- Asmah Haji Omar (2001). *Peristilahan Bahasa Melayu : Pengalaman Malaysia*. Kertas kerja sempena Majlis Perisytiharan Istilah Bahasa Melayu Pengisi Kepustakaan Ilmu Abad ke-21. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 11 April.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2004). *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah Mohamad & Gym Jang Gyem. (2012). Perbandingan Istilah Pinjaman Bahasa Melayu dan Bahasa Korea. *Jurnal Bahasa, Vol 1*, 104-125.
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa & Mohamed Roshimi. (2014). Kaedah Alternatif Membentuk Padanan Istilah : Suatu Pendekatan Soterminologi. Kertas Kerja Symposium of International Language & Knowledge. Pulau Pinang, Malaysia, 15-16 Februari.
- Puteri Roslina Abdul Wahid & Ezura As'ad Azam. (2015). *Seni Pertukangan Lapa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sager, J. C. (1995). *Kursus amali dalam pemprosesan istilah*. Terj. Sulaiman Masri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Senarai Istilah dalam Akhbar

LAMPIRAN

Bil.	Istilah BM	Istilah Sumber	Istilah dlm PRPM
1.	Meroyan/merian/kemurungan postpartum	Postpartum depression	
2.	Meroyan api	-	tiada
3.	Meroyan ketung	-	tiada
4.	Meroyan urat	-	tiada
5.	Meroyan lendir	-	tiada
6.	Meroyan tinggal	-	tiada
7.	Meroyan bulu	-	tiada
8.	Meroyan kulit	-	tiada
			<i>Tajuk - Meroyan masalah mental : Ahad 12 Februari 2017</i>
9	Takikardia	tachycardia	Takikardia - Kadar degupan jantung yang cepat.
10.	Beck's triad	Beck's triad	Triad Beck
11.	Perikardiosentesis	Pericardiocentesis	Perikardiosentesis
12.	Insisi surgikal	Insisi surgikal	tiada
13.	Diabetes ketoasidosis	Diabetes ketoasidosis	tiada
14.	Intubasi	Intubation	intubasi
15.	Membran krikotiroid	Cricothyroid membrane	Membran krikotiroid
16.	Saluran udara branula	-	tiada
17.	Insuflator jet	-	tiada
18.	Pentaksiran Berfokus Sonografi untuk Trauma (FAST)	-	tiada
19.	Bendalir intraabdomen	-	tiada
			<i>Tajuk - Ultrabunyi dalam ER : Ahad, 26 Februari 2017</i>
20.	Sawan termenung	-	tiada
21.	Sawan Tarik	-	tiada
22.	Epilepsi/sawan	epilepsy	Epilepsi -Gangguan sementara fungsi otak yang dicirikan dengan gejala seperti tidak sedar diri, gangguan psikik atau deria, sawan, yang berlaku berulang-ulang.
23.	Sawan setempat/sawan separa	Focal seizure	tiada

Bil.	Istilah BM	Istilah Sumber	Istilah dlm PRPM
24.	Sawan keseluruhan	Generalized seizure	tiada
			Tajuk - Tiada sebarang tanda amaran : Ahad 22 Januari 2017
25.	Tomografi pancaran positron (PET)	-	tiada
26.	Fibrilasi ventricular (VF)	-	tiada
27.	Pemutus litar arus baki (RCCB)	-	tiada
28.	Pemutus litar kecil (MCB)	Miniature Circuit Breaker (MCB)	Pemutus litar miniatur
			Tajuk - Renjatan elektrik : Ahad, 15 Januari 2017
29.	Hernia/angin pasang	Hernia	Hernia - Penjuluran organ dari satu ruang badan ke ruang yang lain melalui bukaan yang tidak normal.
30.	Inguinal hernia	Inguinal hernia	Hernia inguinal
31.	Femoral hernia	Femoral hernia	Hernia femoral
32.	Epigastrik	Epigastric	
33.	Paraumbilical	Paraumbilical	tiada
34.	Umbilical hernia	Umbilical hernia	Hernia umbilikal
35.	Hernia inguinal		Hernia inguinal
36.	Iskimia	ischemia	iskemia
37.	Gangren	gangrene	gangren
38.	Angin pasang tidak langsung	-	tiada
39.	Angin pasang langsung	-	tiada
40.	Hernia femoral	Femoral hernia	Hernia femoral
41.	Hernia hirisan		tiada
			Tajuk - Ramai tak sedar ada hernia : Ahad, 1 Januari 2017
42.	Skoliosis	scoliosis	skoliosis
43.	Adolescent Idiopathic Scoliosis (AIS)	Adolescent Idiopathic Scoliosis (AIS)	tiada
44.	Cobb's angle	Cobb's angle	tiada
45.	Ortosis	orthosis	ortosis
46.	Bracing	-	Rembat; pendakapan; sokongan
47.	Risser staging	-	tiada

Bil.	Istilah BM	Istilah Sumber	Istilah dlm PRPM
48.	Thoracic lordosis	-	tiada
			<i>Tajuk - Bahaya jika tidak dirawat : Ahad, 25 Februari 2017</i>
49.	Hipoksemia	hypoxaemia	hipoksemia
50.	Masalah pendengaran konduktif		tiada
51.	Atresia	Atresia	atresia
52.	Mikrotia	microtia	mikrotia
53.	Anotia		tiada
54.	Masalah pendengaran sensorineural	-	tiada
55.	Vertigo	Vertigo	vertigo
56.	Tinnitus	Tinnitus	tinitus
57.	Sudden hearing loss	Sudden hearing loss	tiada
58.	Teknik sedutan vakum	Ear toilet suction clearance	tiada
59.	Pancutan air ke saluran telinga	Ear syringing	tiada
60.	Teknologi Balloon Sinuplasty	-	tiada
61.	Implan koklea	-	tiada
62.	Bionik telinga	-	tiada
			<i>Tajuk - Sukar berkomunikasi : Ahad, 5 Mac 2017</i>